


BULETIN BULAN DISEMBER 2021
JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN AKADEMIK
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

1. KELULUSAN MEU UNTUK MENAWARKAN DAN MENJALANKAN PROGRAM EXECUTIVE MASTER IN OSH TRAINING DAN PROGRAM SIJIL APERANTIS DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS), UiTM

Surat kelulusan bertarikh 17 Disember 2021 berkenaan permohonan untuk menawarkan dan menjalankan program *Executive Master in OSH Training* dan Program Sijil Aperantis telah diterima oleh Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik pada 22 Disember 2021. Permohonan untuk menawarkan dan menjalankan program *Executive Master in OSH Training* dan Program Sijil Aperantis telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) iCEPS Bil.39/2021 pada 1 Disember 2021.



PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENAWARKAN DAN
MENJALANKAN PROGRAM SIJIL APERANTIS (APPRENTICE
CERTIFICATE PROGRAMME) DI INSTITUT PENDIDIKAN
BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS), UITM.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA




INSTITUTE OF CONTINUING
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

Preparation For Life



2. PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENAWARKAN DAN MENJALANKAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH INDUSTRI DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS), UiTM

Permohonan kelulusan untuk menawarkan dan menjalankan program Doktor Falsafah Industri (*Industrial PhD*) telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) iCEPS Bil. 70/2021 pada 14 Disember 2021. Permohonan program ini telah diserahkan kepada Timbalan Pendaftar Kanan, Dr. Wan Ismahanini Binti Ismail untuk di bawa ke mesyuarat bagi memohon kelulusan di peringkat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 22 Disember 2021. Secara ringkas, Doktor Falsafah Industri atau *Industrial PhD* adalah alternatif kepada program PhD konvensional bertujuan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan antara industri dan ahli akademik dalam melahirkan golongan profesional yang berpengetahuan tinggi.



3. KAJIAN PASARAN PENAWARAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH INDUSTRI DAN SARJANA EKSEKUTIF DALAM LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN


Kajian pasaran penawaran program Doktor Falsafah Industri dan Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2021. Kajian pasaran ini dijalankan bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan iCEPS, UiTM berhubung kualiti dan keberkesanan program baharu, program Doktor Falsafah Industri dan Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang akan dijalankan di iCEPS, UiTM. Kedua-dua kajian pasaran tersebut telah mendapat respon yang menggalakkan daripada 498 responden untuk Doktor Falsafah Industri dan 514 responden untuk Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

The screenshot shows a Google Forms survey titled "Kajian Pasaran Penawaran Program Doktor Falsafah Industri". The header includes the URL <https://iceps.uitm.edu.my>, the iCEPS logo, and the text "INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL". Below the header, it says "Section 1 of 2" and "Kajian pasaran penawaran program Doktor". A note below states: "Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (ICEPS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) ingin menjemput YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk mengisi Borang kajian pasaran penawaran program Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Executive Master in OSH Training)". The main question is "Saya berminat untuk mengikuti program ini." with options: "Ya" (radio button), "Tidak" (radio button), and "Add option or add "Other"" (checkbox). The form has 498 responses.



The screenshot shows a Google Forms survey titled "Kajian Pasaran Penawaran Program Sarjana Eksekutif dalam Keselamatan". The header includes the URL <https://iceps.uitm.edu.my>, the iCEPS logo, and the text "INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL". Below the header, it says "Section 1 of 2" and "Kajian pasaran penawaran program Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan". A note below states: "Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (ICEPS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) ingin menjemput YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk mengisi Borang kajian pasaran penawaran program Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Executive Master in OSH Training)". The main question is "Kajian pasaran ini dijalankan bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan iCEPS, UiTM berhubung kualiti dan keberkesanan program baru, Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang akan dijalankan di iCEPS, UiTM." Below this, there is a "Penafian" section: "Keputusan kajian selidik ini adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh anda, dan disediakan hanya sebagai rujukan untuk pihak institut membuat tindakan penambahan dalam perkhidmatan." The form has 514 responses.

4. TAMAT FASA 2 PROGRAM SIJIL PROFESIONAL DIPLOMA DALAM TEKNOLOGI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (*PROFESSIONAL DIPLOMA IN ELECTRICAL & ELECTRONICS TECHNOLOGY*).

Program Sijil Profesional Diploma dalam Teknologi Elektrik dan Elektronik Fasa 2 telah bermula pada 1 Oktober 2021 yang lalu dan telah tamat pada tarikh 10 Disember 2021. Sesi pengajaran dan pembelajaran telah diadakan secara bersemuka dan dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah-pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Kampus Pasir Gudang, Johor. Pada hari terakhir kuliah, pihak pengangur telah mengadakan pertandingan mencipta, memasang robot dan mengawal robot menggunakan telefon melalui peranti *bluetooth*. Peserta juga diajar mengenai modul pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu, Fasa 3 program ini juga telah bermula pada 7 Januari 2022 sehingga 1 April 2022.







5. HEBAHAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL DALAM KEPIMPINAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (*PROFESSIONAL CERTIFICATE IN OSH LEADERSHIP*).

Bermula pada 13 Disember 2021, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Akademik (JPPA) telah mula menghebah dan menghantar emel poster beserta ayat hebahani bagi program Sijil Profesional dalam Kepimpinan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada data-data sedia ada seperti agensi-agensi kerajaan, data pelajar sepenuh masa dan separuh masa UiTM dan juga data alumni. Program ini akan bermula pada bulan Februari 2022 dan akan dijalankan pada hari Sabtu sahaja dan sepenuhnya secara atas talian. Selain itu, program ini akan menfokuskan kepada komponen Kepimpinan dalam mempraktikkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja.

The poster features the Universiti Teknologi MARA logo and the Institute Of Continuing Education & Professional Studies text. It highlights the 'PROFESSIONAL CERTIFICATE IN OSH LEADERSHIP' program, emphasizing knowledge in occupational safety and health. Key features include 5 modules, online tutorial sessions, and a fee of RM700 per module. A QR code for registration is provided, along with contact details for February 2022 intake. The poster also shows images of a construction worker and safety equipment.

**PROFESSIONAL
CERTIFICATE IN
OSH LEADERSHIP**

EMPOWER YOURSELF WITH KNOWLEDGE IN
OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

Scan for Registration

Be a part of the health frontliners.
Enroll for our February 2022 Intake.

CONTACT US FOR MORE INFORMATION:
Cik Adibah : 03-5544 8233 +6019-270 8271
En. Nik Aizat : 03-5544 8234 +6016-369 0393
En. Helmi : +603-5544 2609

5 Modules for the whole study

Online Tutorial Sessions

18 years old and above

Open to all Malaysian Bumiputera

RM700 PER MODULE

iCEPSUiTM f iCEPSUiTM @ iCEPSUiTM 03-5544 8391

iCEPS
INSTITUTE OF CONTINUING
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

6. iCEPS PRIHATIN 5.0: MISI BANTUAN BANJIR

Berikutan hujan berterusan yang melanda beberapa negeri selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Disember 2021, terdapat beberapa kawasan penempatan penduduk terjejas akibat dilanda banjir. Banjir tersebut telah memberi impak kepada beberapa staf di Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional. iCEPS Prihatin 5.0 telah melaksanakan "Misi Bantuan Banjir" selama lima hari bermula pada 21 hingga 24 Disember 2021 untuk memberi pertolongan kepada staf-staf terbabit. Wakil daripada Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik yang melibatkan Pegawai Eksekutif, En. Faisal 'Irfan dan En. Nik Mohammad Aizat serta Kerani, En. Md Helmi turut serta dalam "Misi Bantuan Banjir".

